

## **UNITEN MUADZAM SHAH TIDAK AKAN DITUTUP**

**KUANTAN, 18 MAC 2021:** Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) di Bandar Muadzam Shah, Rompin tidak akan ditutup walaupun terdapat masalah kekurangan pelajar di universiti sawasta itu.

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), YB Dato' Seri Mahdzir Khalid berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kerajaan Pahang untuk meningkatkan jumlah pelajar di universiti berkenaan.

"Saya telah mengadakan perbincang dengan Menteri Besar Pahang untuk mengadakan kerjasama dengan Yayasan Pahang, Yayasan Tenaga Nasional dan Yayasan Canselor UNITEN.

"Ini bagi membolehkan kita meningkatkan jumlah pelajar mendaftar masuk ke universiti berkenaan yang boleh menempatkan kira-kira 4,000 orang penuntut," katanya dalam sidang media selepas Majlis Pelancaran Program Ceria Ke Sekolah Peringkat Negeri Pahang di Hotel Grand Darulmakmur di sini hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail yang turut dihadiri Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pahang.

Seramai 2,200 pelajar sekolah rendah di seluruh negeri menerima sumbangan dengan jumlah keseluruhan RM220,000.

Beliau berkata, dengan peningkatan pelajar ini nanti akan memberi kebaikan kepada masyarakat setempat termasuk dapat meningkatkan ekonomi setempat.

"Walaupun UNITEN adalah universiti swasta, sebagai GLC kita juga mahu melihat pembangunan bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar," katanya.

Sementara itu, Dato' Sri Haji Wan Rosdy berkata, sumbangan ini amat besar ertinya kepada para penerima, lebih-lebih lagi dengan kesan wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak setahun yang lalu.

"Selain Program Ceria Ke Sekolah ini, TNB juga terlibat dengan program-program lain di Pahang merangkumi pemuliharan alam sekitar, menanam pokok teduhan di Taman Pasif, Kuantan dan Taman Perindustrian Benus, Bentong.

"Dalam bidang ekonomi dan komuniti pula, TNB turut memberi bantuan baik pulih dan bina baharu rumah melalui Program Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat. Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan ini," katanya. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**

**Oleh: Muhammad Shahrinnahar Abd. Latib**

**Foto: Putera Falliq Hakim Suhairi**

## **(LIPUTAN BERGAMBAR)**





PAHANG MEDIA  
PUTERA FALLIQ HAKIM